



# TEKS UCAPAN ALUAN

**PROF. DATO' DR ASMADI BIN MOHAMED NAIM  
NAIB CANSOLOR**

---

## **PERASMIAN PENUTUP AWESOME D' UNISHAMS 2023**

**3:00 petang**

**19 November 2023  
(Ahad)**

**DTPHH,  
UniSHAMS**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العلمين. والصلاة والسلام على رسوله الأمين.

وعلى آله وصحبه أجمعين. أما بعد:

(Bismillahirrahmannirrahim,  
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin,  
Was-solatu was-salamu 'ala Rasulihil-amin,  
Wa'ala aalihi wasohbihi ajma'in.. : amma ba'du)

### Salutasi

**Yang Berusaha Saudara/i Pengerusi Majlis;**

**Yang Berhormat Dr Haim Hilman bin Abdullah,  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah,  
Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan,  
Pengajian Tinggi dan Sains, Teknologi dan Inovasi**

**Yang Berhormat Dato' Ustazah Hajah Siti Ashah binti Haji Ghazali,  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah,  
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Kemiskinan dan  
Pembangunan Insan**

**Yang Berhormat  
Tuan Bandedrol Bakhtiar  
ADUN Gurun**

**YBhg. Dato' Abdul Gafar bin Yahya,  
Pegawai Daerah Baling.**

**Pn Rafidah Binti Abdul Rahim,  
Pengarah Perkeso Negeri Kedah**

**Pn Rosliza Binti Osman,  
Pengurus NIOSH Wilayah Utara**

**Pn Nur-UI-Ain Binti Mohd Asmoni,  
Pengarah SME Negeri Kedah**

Barisan Pengurusan Tertinggi UniSHAMS,

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai UniSHAMS,

Wakil-wakil jabatan kerajaan, agensi-agensi swasta, rakan-rakan industri strategik serta usahawan,

Para atlit seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sidang hadirin sekalian.

**Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Ilahi atas limpah dan Rahmat-NYA, dapat kita bersama-sama berhimpun dalam satu program Alhamdulillah kita panjatkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t atas kejayaan Awesome D'UniSHAMS 2.0 ini yang menggabungkan tiga acara utama; **Kejohanan Dragon Boat Regatta, Karnival Kerjaya dan Fiesta Usahawan**. Sesungguhnya penganjuran Awesome D'uniSHAMS ini amat bermakna kepada warga UniSHAMS kerana ianya merupakan satu program mega yang melibatkan pelbagai pihak sama ada jabatan kerajaan, agensi-agensi swasta, industri dan juga komuniti. Tidak keterlaluan jika dikatakan Awesome D'UniSHAMS 2.0 ini merupakan program terbesar yang dianjurkan selepas kita mengharungi tempoh sukar pandemic covid-19.

Yang Berhormat Dr, Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Kita kini berada pada era milemium, pendidikan amnya dan pendidikan tinggi khususnya bukan semata-mata teori dalam buku dan falsafah peringkat tinggi yang tidak mampu dihadap oleh orang kebanyakan, tetapi yang lebih utama keberhasilan dan kemenjadian mahasiswa untuk terjun ke dalam industri dan komuniti agar mereka terus relevan untuk berada dalam masyarakat.
3. UniSHAMS berusaha untuk terlibat aktif dalam usaha ini. Selain semakan kurikulum agar mahasiswa mendapat input-input ilmu terkini, UniSHAMS juga menyediakan platform untuk mereka mengaplikasikan apa yang telah

dipelajari dalam dewan kuliah. Justeru, terhasillah Awesome D'UniSHAMS 2.0 ini yang menggabungkan tiga acara utama yang disebutkan tadi.

Sidang hadirin sekalian,

4. UniSHAMS memanfaatkan tasik sepanjang 1.2 km ini untuk sukan air dengan penganjuran regatta dan perlumbaan perahu naga. Sejarah UniSHAMS yang cukup terkenal dalam perlumbaan perahu panjang dan perahu naga akan diteruskan dari generasi ke generasi.
5. Sebagai makluman, pendayung-pendayung UniSHAMS berjaya mendapat tempat keempat dalam Pendang International Dragon Boat dan tempat kelima dalam Melaka International Dragon Boat 2023. Pada tahun lalu, pasukan perahu panjang UniSHAMS telah terpilih mewakili kontingen negeri Kedah dalam SUKMA, Johan Jitra Dragon Boat sempena Hari Sukan Negara 2022 dan tempat ketiga Penang International Dragon Boat. Diharapkan penganjuran aktiviti seperti ini akan melahirkan barisan atlit pelapis untuk masa yang akan datang.
6. Tahniah diucapkan kepada para pemenang Kejohanan Dragon Boat Regatta Awesome D'UniSHAMS 2.0. Kepada yang tidak berjaya, kejohanan kali ini bukanlah yang terakhir, UniSHAMS berjanji untuk menjadikan Kejohanan Dragon Boat Regatta sebagai acara tahunan insyaAllah. Kita bertemu lagi pada tahun hadapan untuk perlumbaan yang lebih menarik.
7. UniSHAMS juga mempelawa kepada agensi-agensi kerajaan dan juga swasta untuk menggunakan tasik UniSHAMS bagi sebarang aktiviti sukan dan juga pelancongan; sport tourism dan edu tourism.

8. Awesome D'UniSHAMS 2.0 kali ini melibatkan karnival kerjaya. Terima kasih kepada PERKESO Negeri Kedah yang mengumpulkan pemain-pemain industri untuk membuka peluang kerjaya kepada graduan UniSHAMS terutamanya dan komuniti sekitar. Suka saya maklumkan di sini, data pengesanan graduan terkini iaitu bagi tahun 2022, daripada 1,047 orang graduan, seramai 92% iaitu 964 orang berjaya mendapatkan pekerjaan. Ini merupakan satu angka yang sangat membanggakan dan UniSHAMS tersenarai dalam 20 IPT yang tertinggi peratus graduan berkerjaya sebaris dengan IPT-IPT ternama yang lain.

Yang Berhormat Dr, tuan-tuan dan puan-puan,

9. Kita semua merasai ketidaktentuan politik dan ekonomi dunia amnya dan juga tempatan khasnya. Peluang kerjaya dalam sektor kerajaan mahupun swasta diakui tidak mampu menampung jumlah graduan saban tahun yang semakin bertambah. Pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan agar kursus keusahawanan menjadi subjek teras universiti bagi memberi pendedahan kepada mahasiswa bahawa bekerja atau makan gaji bukanlah satu-satunya pilihan selepas bergraduat. Sebaliknya mereka boleh melibatkan diri dalam keusahawanan berbekalkan apa yang diperolehi dalam kampus.
10. UniSHAMS bekerjasama dengan agensi-agensi luar bagi menyediakan peluang keusahawanan dari sudut bantuan modal dan kursus-kursus pengukuhan kepada mahasiswa. Terima kasih kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) yang telah membantu 20 usahawansiswa asnaf UniSHAMS melalui program UniPRENEUR siri ke-3 dengan dana sebanyak RM69,000 bagi tahun ini.

11. Fiesta Usahawan dalam Awesome D'UniSHAMS 2.0 ini memberi peluang kepada para usahawansiswa untuk turun ke medan bertemu dengan masyarakat mempromosi barangan dan perkhidmatan.

Yang Berhormat dan hadirin sekalian,

12. Untuk akhirnya, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada YB Dr Haim Hilman Abdullah, ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri Kedah yang sudi hadir merasmikan majlis penutup pada petang di tengah-tengah kesibukan beliau dengan pelbagai agenda.
13. Ucapan terima kasih juga kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta yang bersama-sama menjayakan Awesome D'UniSHAMS 2.0 ini, Pejabat YAB Menteri Besar Kedah dan YB Exco, Seksyen Sukan Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah, Tourism Malaysia Negeri Kedah, PERKESO Negeri Kedah, SME Negeri Kedah, NIOSH Wilayah Utara, Bank Rakyat, Pejabat Daerah Baling dan lain-lain agensi. Tidak dilupakan terima kasih kepada kontingen-kontingen perahu naga, pemain-pemain industri juga para usahawan.
14. Kepada ahli jawatankuasa induk dan pelaksana Awesome D'UniSHAMS 2.0, andalah wira sebenar kejayaan program selama dua hari ini. Sekalung penghargaan dan syabas daripada UniSHAMS kepada anda semua. Tanpa jerit payah anda, tiadalah Awesome D'UniSHAMS 2.0 pada hari ini. Semoga segala usaha yang disumbangkan akan dibalas sebaiknya oleh Allah s.w.t.
15. Mewakili UniSHAMS, saya memohon ampun dan maaf kepada semua atas segala kekurangan sepanjang dua hari program ini. Teguran dan maklum balas tuan-tuan dan puan-puan amatlah dihargai.

16. Pada kesempatan ini saya menyeru semua pihak agar bersama-sama menyokong UniSHAMS untuk kekal berkhidmat kepada agama, bangsa dan tanahair.

17. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

----- TAMAT -----

**Disediakan oleh:**

**Sekretariat Awesome D'UniSHAMS 2023**

**18 November 2023**